

Pembangkang peralatkan media asing

19

UM 25 NOV 1999

KUCHING 24 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyelar tindakan parti-parti pembangkang yang menggunakan bantuan daripada media-media asing seperti *CNN*, *CNBC* dan *BBC* untuk berkempen mengancam kepimpinan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Sambil menyifatkan langkah tersebut sebagai tidak demokratik, Perdana Menteri berkata belum pun pilihan raya diadakan, parti pembangkang sudah meramalakan pilihan raya kali ini tidak adil, korup dan sebagainya.

Beliau menegaskan, parti lawan berbuat demikian kerana menyedari mereka tidak akan mendapat sokongan daripada rakyat di negara mereka sendiri.

“Kawan-kawan mereka daripada pemberita media asing seperti *CNN*, *CNBC*, *BBC* dan lain-lain lagi sudah mula berkata pilihan raya ini akan menjadi pilihan raya paling korup yang pernah diadakan di Malaysia selama ini.

“Mereka cakap begitu kerana mereka tahu akan kalah pada pilihan raya ini.

“Mereka akan berkata, kami tidak akan dapat menang pilihan raya kerana pilihan raya ini korup, tidak berjalan dengan baik, tidak sempurna dan tidak adil,” tegas Dr. Mahathir.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan pelabuhan air dalam terminal Senari berharga RM250 juta di Kampung Senari, Sejingkat, kira-kira 25 kilometer dari sini hari ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob dan menteri-menteri kerajaan negeri dan Persekutuan.

Menurut Dr. Mahathir, apa yang diperkatakan itu semuanya alasan yang sudah digariskan oleh parti pembangkang meskipun pilihan raya belum diadakan.

Katanya, ketika parti pembangkang bersedia dengan alasan yang akan diberi, kerajaan BN pula bersedia untuk memenangi pilihan raya umum ke-10 dengan majoriti lebih dua pertiga.

Dalam hubungan ini, kata Perdana Menteri, BN tidak bergantung kepada

pihak asing sebaliknya berbangga dengan kewibawaan yang ada di kalangan para pemimpin kerajaan yang sedia ada.

“Kita tidak mengharapkan bantuan orang luar. Media asing boleh bebas bercakap mengenai perkara yang bertentangan dengan dasar kerajaan BN tetapi kita tidak peduli.

“Kita adalah sebuah negara bebas dan BN adalah sebuah parti bebas yang bekerja untuk kemajuan negara dan rakyatnya,” ujar Dr. Mahathir.

Perdana Menteri menambah, hakikat itu selaras dengan kandungan manifesto BN pada pilihan raya kali ini iaitu Bebas, Sepadu dan Maju.

Dr. Mahathir juga berkata, beliau sedar terdapat orang asing yang datang ke negara ini turut membantu berkempen untuk parti-parti pembangkang pada pilihan raya ini.

Merusuh

“Belum pun ada pilihan raya, ada juga pemimpin negara-negara asing yang datang ke Malaysia dan menyuruh penyokong-penyokong parti lawan merusuh di jalan raya bagi menjatuhkan kerajaan,” ujarnya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta rakyat termasuk di Sarawak supaya memilih sebuah kerajaan yang cekap dan berwibawa untuk membangunkan negara pada pilihan raya ini.

Tegas beliau, rakyat akan menjadi mangsa sekiranya gagal memilih kerajaan yang benar-benar komited dan mampu menguruskan pentadbiran negara dengan baik.

“Rakyat mestilah memilih calon yang mewakili parti yang boleh memerintah negara ini dengan baik dan membawa banyak nikmat dan manfaat kepada rakyat,” katanya.

Justeru, Dr. Mahathir meminta rakyat supaya memberi mandat yang besar kepada BN bagi membolehkan lebih banyak projek pembangunan untuk kepentingan rakyat dapat dilaksanakan pada masa depan.